

# Memperkasa wakaf harta tanah Malaysia

**L**ANGKAH drastik perlu dilakukan untuk memperkasa wakaf harta tanah di Malaysia termasuk menggubal akta khusus berkaitan dengannya. Ini kerana, wakaf harta mampu menjadi tali pengikat yang mengukuhkan dan memantapkan aset ummah dalam jangka panjang.

Pensyarah Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, UTHM,

**Prof. Dr. Ismail**

**Omar** berkata,

pembangunan wakaf tunai telah dimulakan oleh Empayar Ottoman pada abad ke-15 dan di negara ini fatwa mengenainya dikeluarkan pada 2007.

“Ikhtiarkan untuk selesaikan segala halangan yang wujud. Kita masih sibuk dengan perbincangan tetapi tidak melakukan sesuatu yang konkret. Pada abad ke-15 mereka sudah menjayakannya tetapi kita pada abad ke-21 masih lagi berbincang,” katanya.

Bagaimanapun, jelas Ismail, pembangunan harta tanah melibatkan modal yang tinggi dan meliputi beberapa lapisan kerumitan.

“Pada masa ini, terdapat beberapa sokongan kewangan yang boleh diperoleh tetapi

disebabkan turun naik keadaan ekonomi, penggunaan pembiayaan luaran bagi wakaf harta tanah adalah berisiko dan mahal. Ia boleh disimpulkan kepada tiga kategori, perundangan dan pentadbiran, ekonomi dan kewangan serta unsur sosiopolitik kekangan penawaran tanah wakaf,” katanya.

Sementara itu, Ismail turut membentangkan kajian kes Iskandar Malaysia:

“Terdapat unsur-unsur struktur dan tingkah laku mempengaruhi inisiatif melaksanakan pemilikan harta dalam Iskandar Malaysia pada tahun 2015. Kira-kira 70 peratus mampu untuk membeli harta sehingga RM300,000. Oleh itu, wakaf tunai mungkin berguna untuk menyumbang meningkatkan

kemampuan mereka.

“Terdapat masalah ketidakmampuan rakyat untuk melabur, membeli harta sendiri menggunakan pinjaman bank. Sebagai alternatif, wakaf tunai boleh dipromosikan untuk menyumbang kepada pembiayaan harta wakaf dan menggunakan manfaat bagi membantu rakyat menyediakan perlindungan boleh didiami kepada mereka.”



**DR. ISMAIL OMAR**